

Pengalaman membantu keluarga berniaga sejak kecil mencetus minat dan keyakinan bagi Mohamed Rizuan Norden, 21, memulakan perniagaan sendiri apabila memulakan pengajian di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Menerusi syarikat pemilikan tunggal, UServices Enterprise, Mohamed Rizuan menawarkan perkhidmatan mencetak dan fotostat sejak 2009 hingga kini bagi membantu melancarkan pengajian warga kampus USIM di Nilai, Negeri Sembilan itu.

Pelajar USIM tidak perlu pergi jauh untuk mencetak tugas dan membuat salinan nota atau buku, sebaliknya kebanyakan warga USIM berkunjung ke kedainya di Pusat Keusahawanan Pelajar USIM untuk mendapatkan perkhidmatan itu.

Bagi memenuhi permintaan pelanggan, perkhidmatan membaiki komputer juga kini turut ditawarkan di kedainya.

Tawar pelbagai khidmat

Beliau turut mencetak gambar, kain pemedang dan kad nama selain menjual cakera padat serta pengisian semula prabayar telefon sebagai perkhidmatan sampingan.

"Ketika ingin memulakan perniagaan, saya dapati tiada kedai dalam kampus menawarkan perkhidmatan percetakan dan fotostat sedangkan ia antara keperluan harian pelajar.

"Melihatnya sebagai peluang, saya memulakan perniagaan UServices iaitu singkatan bagi University

UServices bantu pelajar USIM

Services dengan modal RM5,000 bersumberkan duit simpanan dan wang pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional," katanya ketika ditemui di kedainya di Nilai, baru-baru ini.

Pelanggan berkunjung ke kedai Mohamed Rizuan bertali arus,

kebanyakannya mencetak tugas menggunakan kemudahan tujuh komputer riba, mesin pencetak dan dua mesin fotostat disediakan.

Justeru, tidak hairan, keuntungan bersih dicatatkan syarikatnya secara purata RM1,000 hingga



ini pada awalnya ialah pengurusan aset. Contohnya, saya tidak tahu mengendalikan mesin fotostat. sehubungan itu, banyak perlu dipelajari menerusi pembacaan mahupun bertanya kepada usahawan berpengalaman dalam bidang sama," katanya.

Beliau yang kini mengikuti tahun akhir pengajian Ijazah Fiqh dan Fatwa bercadang mengembangkan perniagaannya apabila tamat belajar kelak dengan membuka cawangan di kolej kediaman USIM luar kampus selain di negeri kelahirannya, Johor.



RM1,500 sebulan dengan hanya menawarkan perkhidmatan dalam kampus.

Cabaran

Mohamed Rizuan dibantu 20 pelajar yang bergilir-gilir men-

jaga kedai dengan kadar upah RM3 sejam bagi memastikan pengajiannya tidak terjejas walaupun sibuk menguruskan perniagaan.

"Cabaran utama bagi saya menjalankan perniagaan